

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : MAJLIS UPACARA PELANCARAN PROJEK SUSU DI PERINGKAT KEBANGSAAN  
Lokasi : AUDITORIUM DEWAN BANDARAYA,  
Tarikh : 12-09-1983

Yang Berhormat Dr. Tan Tiong Hong, Timbalan Menteri Pelajaran;

En. E. Zulliger, Pengarah Pengurusan Syarikat Nutritional Products Sendirian Berhad;

Yang Berbahagia Dato Haji Idris Haji Tain, Pengarah Bahagian Sekolah-Sekolah;

Dif-Dif Kehormat, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada penganjur-penganjur Projek Susu Sekolah, serta pengelola Majlis Pelancarannya di peringkat Kebangsaan, kerana menjemput saya untuk bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan pada pagi ini.

2. Saya juga dengan sukacitanya merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Kementerian Pelajaran atas usahanya untuk mengendalikan makanan tambahan di sekolah-sekolah rendah dengan menggunakan suatu strategi baru, iaitu, mengadakan Projek Susu Sekolah. Saya berasa gembira kerana pihak penganjur- penganjur Projek Susu Sekolah telahpun menggunakan konsep baru Kerajaan kita, iaitu konsep Persyarikatan Malaysia untuk merancang, melaksana dan menilai satu rancangan bercorak kesihatan dan kebajikan. Pendekatan baru ini adalah 'innovative' dan sesuai pada masa ini. Kita perlu berjimat cermat, memandangkan kemelesetan ekonomi di seluruh dunia, ketika mengambil tindakan yang positif untuk memperbaiki lagi pelaksanaan semua rancangan bercorak perkembangan sosial.

3. Kesihatan dan pemakanan di kalangan anak-anak kita, terutama di peringkat sekolah rendah adalah penting. Seorang murid yang sihat, iaitu dalam keadaan yang sempurna dari segi jasmani, mental dan sosial, serta ketiadaan penyakit atau cacat cedera, mempunyai kemungkinan yang besar untuk menjadi seorang pelajar yang baik, cergas dan cerdik. Kanak-kanak kita di bangku sekolah pada masa kini adalah kuntum harapan kita bagi masa hadapan. Kesihatan dan taraf pemakanan murid-murid sekolah kita, secara langsung atau tidak langsung, menjadi punca bagi mengembangkan tenaga manusia, pada masa hadapan di negara kita. Ini bermakna cogan kata biasa, iaitu "Rakyat Sihat, Negara Maju", mempunyai erti yang besar bagi usaha-usaha kesihatan dan pemakanan di sekolah.

4. Pada lazimnya di negara-negara yang sedang membangun, perkembangan dari segi ekonomi adalah dianggap sebagai faktor utama bagi perkembangan kesihatan dan pemakanan. Walau bagaimanapun, berasaskan kepada pengalaman beberapa negara yang telah maju, serta pendapat sebilangan besar pakar-pakar yang berkenaan, sebenarnya perkembangan kesihatan dan pemakanan rakyat menjadi punca bagi pencapaian yang tinggi dalam pembangunan negara keseluruhannya. Pada pendapat saya, ini mempunyai implikasi bukan sahaja dalam lapangan ekonomi, tetapi juga dalam lapangan sosial.

5. Projek Susu Sekolah, yang akan dilaksanakan di bawah anjuran bersama Kementerian Pelajaran dan Syarikat Nutri- tional Products Sendirian Berhad, adalah suatu usaha yang baik dan patut dipuji. Bekalan susu untuk kanak-kanak sekolah boleh dianggap sebagai satu perkembangan yang sewajarnya dari

penyusuan ibu untuk bayi dan makanan tambahan di peringkat pra-sekolah. Susu adalah satu bahan makanan yang sempurna sebab ianya memberi zat-zat yang paling sesuai bagi tumbesaran dan perkembangan kanak-kanak kita. Dengan itu minuman susu oleh murid-murid sekolah rendah akan meningkatkan kesihatan dan kecergasan mereka. Saya harap ibu bapa atau penjaga murid serta guru-guru sekolah, akan memberi kerjasama kepada semua pihak yang berkenaan untuk merancang, melaksana dan menilai projek ini. Kanak-kanak kita perlu diberi pelajaran dan penerangan tentang faedah minum susu. Mereka juga perlu digalakkan untuk membeli susu dan mengelak pembelian bahan-bahan yang dikenali sebagai 'junk-food'.

6. Saya berasa sukacita kerana pihak-pihak penganjur Projek Susu Sekolah telahpun mengambil perhatian tentang murid-murid sekolah yang kurang mampu untuk membeli susu. Sebilangannya yang benar-benar memerlukan bantuan akan diberi peluang untuk menyertai skim percuma. Oleh sebab semua murid yang kurang mampu untuk membeli susu tidak dapat diberi susu secara percuma pada masa sekarang, kerana masalah ekonomi, saya menyeru Persatuan-persatuan Ibu Bapa dan Guru, serta Badan-badan sukarela atau swasta untuk membantu Projek ini dengan menaja sendiri. Saya harap dengan adanya penglibatan dan penyertaan semua pihak yang berkenaan, projek ini boleh diperluaskan ke seluruh Malaysia, termasuklah sekolah-sekolah kecil yang sedang menyertai Rancangan Makanan Tambahan seperti biasa, oleh sebab sekolah-sekolah itu tidak dapat dihubungi oleh pihak pembekal susu pada peringkat ini.

7. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin menegaskan keperluan untuk kita menjalankan Projek Susu ini sebagai suatu usaha yang bersepadu. Projek ini perlu di disaling-kaitkan dengan usaha-usaha lain di sekolah, seperti pengajaran secara formal atau tidak formal, perkhidmatan-perkhidmatan dari segi kesihatan dan kebajikan murid, serta usaha-usaha di kalangan masyarakat. Kebersihan alam sekitar, kebersihan dan mutu makanan, dan sebagainya perlu diperbaiki lagi untuk kepentingan kanak-kanak kita, mahupun masyarakat umum. Pendidikan jasmani dan daya tenaga jasmani juga perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Ini bermakna kita perlu menggalakkan satu pendekatan yang melibatkan penyertaan bercorak antara-jabatan dan antara-pengkhususan.

8. Saya mengucapkan selamat maju jaya kepada semua pihak yang terlibat dalam projek ini. Akhir sekali, saya dengan sukacitanya mengisytiharkan pelancaran Projek Susu Sekolah di peringkat Kebangsaan dengan rasminya.

Terima Kasih.